

Kepuasan Hidup Wanita Pertengahan Usia: Perbezaan Gender dan Status Perkahwinan

The Life Satisfaction of Middle-Aged Career Women: Differences Between Gender and Marital Status

Siti Marziah Zakaria¹, Nor Ba'ayah Abdul Kadir², Nasrudin Subhi³ & Khaidzir Ismail⁴
Pusat Kesejahteraan Manusia dan Masyarakat, UKM, Bangi.
marziah@ukm.edu.my

| | |
|-------------|-------------|
| Terima | Wasit |
| 12 MAC 2018 | 30 MEI 2018 |

ABSTRAK

Wanita pada usia ini juga terdedah dengan pelbagai masalah kesihatan yang mengancam mereka kerana perubahan hormon dan proses penuaan. Usia pertengahan seharusnya menjadi "usia rehat" buat wanita kerana anak-anak telah membesar, mereka telah mempunyai kerjaya yang stabil dan perkahwinan juga telah mantap. Namun, mereka dihadapkan dengan pelbagai tuntutan dan cabaran di fasa kehidupan begini. Oleh itu, artikel ini akan membuat sorotan mengenai kepuasan hidup dengan membuat perbandingan antara gender dan status perkahwinan. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa kepuasan hidup wanita dan lelaki dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berbeza. Wanita melaporkan kepuasan hidup yang rendah berdasarkan kepada elemen penting dalam hidup bagi mereka seperti kepuasan perkahwinan, hubungan sosial, status kewangan dan penghargaan sendiri. Lelaki pula lebih memberi penekanan kepada aspek material, keselamatan, kesihatan, pendapatan dan autonomi. Kepuasan hidup wanita berkahwin, janda atau bujang mempunyai dapatan yang pelbagai. Wanita berkahwin menyandarkan kepuasan hidup kepada kepuasan perkahwinan dan sokongan emosi yang diterima. Wanita berstatus janda pula meletakkan penghargaan diri mereka, keyakinan diri serta sokongan sosial sebagai faktor yang penting. Bagi wanita bujang, status sosio-ekonomi, pendidikan, aktiviti sosial dan hubungan sosial adalah indikator kepuasan hidup mereka. Kajian-kajian akan datang boleh meneroka dengan lebih mendalam tentang perbezaan kepuasan hidup di antara golongan pelbagai peringkat umur.

Kata kunci: *kepuasan hidup, gender, status perkahwinan, wanita pertengahan usia, wanita bekerjaya*

ABSTRACT

Women at this age are vulnerable to multiple health problems which are threatening them due to hormonal changes and aging process. Being in the middle age should be the 'dormant time' for women as their children have grown up, they have established career and

¹ Siti Marziah Zakaria, PhD, UKM, marziah@ukm.edu.my

² Nor Ba'ayah Abdul Kadir, PhD, UKM, aknbayah@ukm.edu.my

³ Nasrudin Subhi, PhD, UKM, nas2572@ukm.edu.my

⁴ Khaidzir Ismail, PhD, UKM, izay@ukm.edu.my

marriages have also become strong. Nevertheless, they need to encounter with numerous demands and challenges in this phase of life. Therefore, this article will review life satisfaction by comparing it between gender and marital status. Past studies found that life satisfaction of men and women have been influenced by different factors. Women have reported low life satisfaction based on the perceived important elements in their life, such marital satisfaction, social interaction, financial status, and self-esteem. While men put more importance on material aspect, safety, health, income, and autonomy. Life satisfaction of married women, divorcee or single women have shown different results. Married women count on their life satisfaction on marital satisfaction and emotional support. A divorcee, on the other hand, count on self-esteem, self-confidence, and social support as the most important factors. For single women, socio-economic status, education, social activity and social interaction are the indicators of their life satisfaction. Future studies may explore more about the differences in life satisfaction between people of different age group.

Keywords: *life satisfaction, gender, marital status, middle- age women, career women*

Pengenalan

Kepuasan hidup merupakan antara isu yang penting dalam kalangan wanita pertengahan usia. Mereka berdepan dengan pelbagai tanggung jawab, peranan, dan jangkaan masyarakat pada usia ini. Usia pertengahan seharusnya menjadi “usia rehat” buat wanita kerana anak-anak telah membesar, mereka telah mempunyai kerjaya yang stabil dan perkahwinan juga telah mencapai usia matang. Namun, mereka dihadapkan dengan pelbagai tuntutan dan cabaran di fasa kehidupan begini (Navaie et al. 2002). Mereka kadang kala terpaksa memikul tanggungjawab yang pelbagai iaitu sebagai ibu, anak, isteri, nenek dan mungkin pekerja dalam satu masa (Berg 2011). Wanita juga perlu sentiasa bersedia untuk menerima perubahan dalam struktur keluarga dengan pertambahan atau pengurangan ahli keluarga seperti kehadiran menantu dan cucu atau kematian pasangan dan ibu bapa.

Wanita pertengahan usia kekal sebagai penjaga utama keluarga. Apabila ahli keluarga jatuh sakit atau uzur, wanita pertengahan usialah yang dipertanggungjawabkan untuk menjaganya. Mereka dianggap sebagai individu yang berpengalaman dan matang untuk menanggung tugas yang berat itu. Dalam keterbatasan masa, kudrat, kesihatan dan kewangan, wanita seboleh-bolehnya akan cuba memenuhi tanggung jawab ini dengan sempurna (Pestonjee 1992). Walaupun perlu menjaga pasangan, ibu bapa, atau adik-beradik yang sakit, mereka masih lagi perlu bekerja untuk memenuhi keperluan keluarga pada usia begini. Akibatnya, ramai daripada mereka yang perlu mengurangkan waktu kerja, tidak dinaikkan pangkat, terpaksa mengambil cuti dengan kerap, pencen awal atau berhenti kerja (Ayo et al. 2009). Ini tentunya meningkatkan bebanan kewangan wanita pertengahan usia yang menjaga ahli keluarga yang sakit kerana mereka perlu menanggung bil perubatan yang tinggi, di samping bil-bil yang lain. National Alliance for Caregiving (1998) melaporkan bahawa 40% daripada wanita pertengahan usia yang menjaga menghadapi bebanan kewangan.

Rentetan itu, ramai penjaga tidak mengambil keputusan untuk berhenti kerja, tetapi cuba untuk seboleh mungkin menyesuaikan diri yang akhirnya boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan dan kepuasan hidup mereka (Pavalko & Artis 1997). Berg (2011) mendapati bahawa penjaga selalu melaporkan tekanan psikologi, kepuasan hidup yang rendah, konflik hubungan, gangguan tidur dan sebagainya. Wanita yang tidak menerima

sokongan daripada keluarga mahu pun masyarakat dalam menjaga ibu bapa atau saudara mara yang sakit akan menerima kesan psikologi dan sosial yang lebih teruk (Berg 2011).

Wanita pada usia ini juga terdedah dengan pelbagai masalah kesihatan yang mengancam mereka kerana perubahan hormon dan proses penuaan (Derg 2005). Peringkat pertengahan usia dilaporkan sebagai permulaan kepada pelbagai penyakit kronik seperti darah tinggi, jantung, kanser dan diabetes. Tahap kolesterol dalam darah akan meningkat seiring dengan peningkatan usia dewasa dan ia mula berkumpul di dinding arteri. Ini akan meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular. Selepas menopause pula, tekanan darah tinggi wanita akan mengalami peningkatan yang mendedahkan mereka kepada risiko penyakit darah tinggi dan strok (Derg 2005). Lantaran itu, isu kesihatan merupakan isu yang kritikal kepada wanita pertengahan usia kerana mereka berdepan dengan risiko yang lebih tinggi untuk menghidap penyakit kronik yang boleh menjejaskan kepuasan hidup mereka.

Freund et al. (2014) mendapati bahawa wanita bekerjaya pertengahan usia melaporkan pelbagai simptom psikosomatik yang boleh menjejaskan kualiti hidup mereka. Ini berikutan peranan dan tanggungjawab berat yang harus dipikul mereka di pertengahan usia. Peranan sebagai pekerja, ibu dan isteri contohnya boleh membawa kepada konflik peranan akibat daripada pelbagai tuntutan yang harus dipenuhi mereka. Kajian ini dijalankan ke atas 277 orang dewasa yang berumur antara 30-55 tahun, bekerja sekurang-kurangnya 30 jam seminggu dan tinggal bersama pasangan atau keluarga. Wanita pertengahan usia didapati melaporkan simptom psikosomatik lebih kerap daripada lelaki apabila mereka berhadapan dengan konflik peranan. Ini bermakna wanita pertengahan usia lebih mendapat mudarat daripada lelaki berikutan konflik peranan ini (Freund et al. 2014).

Jelasnya, wanita pertengahan usia yang berada di sektor pekerjaan berdepan dengan pelbagai cabaran dan masalah. Cabaran daripada segi perkahwinan, kesihatan, psikologi, bebanan tugas dan konflik peranan. Tuntutan tanggung jawab sebagai ibu, pekerja, isteri dan anak mendedahkan mereka kepada risiko tekanan, kemurungan, kebimbangan (anxiety), burnout dan sebagainya. Keadaan akan lebih buruk lagi jika mereka juga berhadapan dengan masalah kesihatan yang dicituskan oleh faktor usia. Ini tentunya boleh menjejaskan kualiti serta kepuasan hidup. Status perkahwinan juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi kepuasan hidup mereka. Status mereka sebagai wanita pertengahan usia juga memberi implikasi yang berbeza kepada kepuasan hidup mereka. Persepsi mereka tentang kepuasan hidup mungkin berbeza daripada persepsi seorang lelaki pertengahan usia. Oleh itu, artikel ini akan membuat sorotan mengenai kepuasan hidup berdasarkan gender dan kepuasan hidup berdasarkan status perkahwinan yang berbeza.

Kepuasan Hidup dan Gender

Semenjak daripada tahun 1970, pelbagai isu berkaitan dengan kehidupan wanita dalam masyarakat yang berubah kerap dibincangkan oleh ahli-ahli ilmuwan dan penggubal undang-undang (Park 1991). Perbincangan mengenai isu-isu wanita dalam aspek kesihatan, ekonomi, politik dan kesejahteraan mencapai kemuncaknya pada tahun 1975 dengan pengistiharan Tahun Wanita oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Park 1991). Pengistiharan Tahun Wanita ini bertujuan untuk mengesahkan komitmen PBB dalam meningkatkan status wanita. Lantaran itu, peranan wanita dalam masyarakat juga telah semakin berubah. Peranan tradisional wanita sebagai suri rumah semakin terhakis dengan bertambahnya bilangan wanita yang menceburkan diri dalam pasaran kerja (Noah 1986). Akibatnya, sumber kepuasan hidup

bagi kebanyakan wanita tentunya berpunca daripada situasi di rumah atau di tempat kerja atau kedua-duanya.

Kesusahan hidup kerana ledakan globalisasi, sistem penswastan dan peningkatan harga barang serta keazaman untuk merealisasikan potensi diri telah menyebabkan ramai wanita keluar rumah untuk menyertai lelaki dalam pelbagai bidang pekerjaan. Walaupun penyertaan wanita dalam bidang pekerjaan dapat memperbaiki status ekonomi mereka dan memperbaiki taraf hidup, wanita juga berhadapan dengan banyak kekangan apabila terlibat dalam pasaran buruh. Mereka harus berdepan dengan situasi dan jadual kehidupan seharian yang terlalu sibuk dan memenatkan (Thakar & Misra 1995). Ini tentunya akan mengganggu kesihatan emosi golongan wanita terutamanya ibu-ibu.

Kajian di Jepun oleh Tiefenbach dan Kohlbacher (2013) membandingkan kepuasan hidup antara jantina dan umur. Graf kepuasan hidup menunjukkan pola berbentuk U bagi lelaki dan wanita. Secara keseluruhan, graf kepuasan hidup bagi kedua-dua jantina menunjukkan penurunan tahap kepuasan hidup pada umur 55 tahun, tetapi meningkat semula pada umur 75 hingga 80 tahun. Dapatan juga menunjukkan bahawa wanita lebih gembira daripada lelaki sebanyak 0.41 mata (dalam skala 0-10). Analisis koefisien mendapati bahawa pendapatan memberi pengaruh yang lebih besar ke atas kepuasan hidup lelaki. Pengangguran turut memberi kesan yang negatif kepada kepuasan hidup lelaki, tetapi tidak kepada wanita. Wanita lebih gembira dengan peranan sebagai suri rumah (Tiefenbach & Kohlbacher 2013). Ini konsisten dengan dapatan kajian-kajian lain yang dijalankan di Jepun yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam kepuasan hidup wanita dan lelaki (Ohtake 2012).

Antara faktor penting yang mempengaruhi kepuasan hidup seseorang wanita adalah tekanan dan gejala kemurungan (Brannon 2011). Kajian dalam bidang psikologi perkembangan menunjukkan bahawa wanita lebih kerap melaporkan simptom kemurungan dan tekanan berbanding dengan lelaki (Brannon 2011). Reaksi fisiologi tekanan adalah sama antara wanita dan lelaki (Taylor et al. 2000), namun, punca tekanan antara lelaki dan wanita adalah berbeza. Pengalaman wanita setiap hari sebagai seorang ibu, isteri dan pekerja merupakan antara pencetus kepada tekanan (Taylor et al. 2000).

Diener dan Fujita (1995) serta Oshio (2012) pula melaporkan bahawa sumber sosial seperti sokongan sosial dan jaringan sosial merupakan peramal kepada kepuasan hidup terutamanya dalam kalangan wanita. Wanita didapati sangat bergantung kepada sokongan sosial untuk kelangsungan hidupnya. Lelaki pula memerlukan sokongan sosial untuk mencapai matlamat peribadinya seperti untuk mendapat pengaruh dan autoriti (Diener & Fujita 1995). Sebagaimana Bourque et al. (2005) mendapati bahawa kepuasan hidup wanita dipengaruhi oleh umur, pendidikan, pendapatan, sokongan sosial, autonomi, penyakit, keterbatasan fizikal dan aktiviti fizikal. Sementara responden lelaki melaporkan umur, pendapatan, autonomi, keterbatasan fizikal dan penyakit sebagai faktor-faktor kepuasan hidup. Ternyata sokongan sosial adalah peramal yang penting kepada kepuasan hidup dalam kalangan wanita, tetapi tidak kepada golongan lelaki.

Ini diperkukuhkan lagi oleh Shichman dan Cooper (2004) yang melaporkan bahawa lelaki memberi fokus lebih kepada aspek instrument atau material dalam hidup, manakala wanita lebih memberi perhatian kepada aspek sosio-emosi. Kajian di Australia oleh NATSEM (2010) juga melaporkan bahawa wanita dan lelaki mempunyai persepsi yang berbeza terhadap kehidupan mereka, pekerjaan dan hubungan kekeluargaan. Perbezaan yang

paling ketara antara lelaki dan wanita ialah dalam persepsi mereka mengenai hubungan kekeluargaan. Ternyata wanita lebih menitikberatkan hubungan kekeluargaan dalam menilai kepuasan hidup. Manakala lelaki memberi tumpuan lebih kepada aspek keselamatan dan kesihatan (NATSEM 2010).

Jelasnya, kebanyakan kajian mencadangkan bahawa lelaki mengecapi kepuasan hidup yang lebih tinggi daripada wanita (Kant 1996; Nathawat 1996; NATSEM 2010). Ini kerana lelaki menikmati jaminan kewangan dan kebebasan yang lebih tinggi daripada wanita. Wanita pula didapati mengalami kesunyian yang lebih ketara daripada lelaki, terutamanya selepas anak-anak telah dewasa dan mula meninggalkan rumah (Balachandran et al. 2007). Wanita mempunyai jaringan sosial dan aktiviti yang terhad dalam kehidupan seharian (Balachandran et al. 2007). Nilai sosial dan struktur keluarga juga menyebabkan wanita merasa tidak mempunyai autonomi. Ditambah pula dengan status pendidikan yang rendah, menyebabkan mereka sukar untuk menyesuaikan diri dengan perubahan (Balachandran et al. 2007).

Justeru, kepuasan hidup wanita dan lelaki dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berbeza. Wanita melaporkan kepuasan hidup yang rendah berdasarkan kepada elemen penting dalam hidup bagi mereka seperti kepuasan perkahwinan, hubungan sosial, status kewangan dan penghargaan sendiri. Status perkahwinan dan jaminan hidup juga didapati berkaitan dengan kepuasan hidup wanita. Lelaki pula lebih memberi penekanan kepada aspek material, keselamatan, kesihatan, pendapatan dan autonomi.

Kepuasan Hidup dan Status Perkahwinan

Secara umumnya, kebanyakan literatur mencadangkan kesan yang positif dan signifikan daripada status berkahwin, manakala kesan yang negatif dan juga signifikan daripada status berpisah atau bercerai (Blanchflower & Oswald 2004; Frey & Stutzer 2002). Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang mencadangkan bahawa kesan penceraian ke atas kepuasan hidup adalah lemah, sebagaimana yang dicadangkan oleh Teori penetapan mata (set point theory), yang menjelaskan bahawa kejutan atau perubahan-perubahan hidup biasanya akan diserap dan diadaptasi seiring dengan perubahan masa (Cummins 1996).

Perkahwinan didapati boleh mengurangkan risiko mengalami masalah kesihatan emosi dalam kalangan wanita (Hetherington & Kelly 2002; William & Cooper 2004). Perkahwinan boleh menjadi sumber sokongan emosi bagi seseorang wanita, terutamanya sekiranya mereka menjalani kehidupan berumahtangga yang sempurna. Sebaliknya, perkahwinan yang tidak membahagiakan pula boleh meningkatkan risiko masalah mental dalam kalangan wanita mahu pun lelaki (William & Cooper 2004). Sebagaimana Hasnain et al. (2011) telah mengaitkan kepuasan hidup wanita dengan kepuasan perkahwinan.

Kehadiran anak dalam hidup mungkin juga penting bagi kepuasan hidup wanita pada usia pertengahan. Sebagaimana yang dibuktikan oleh NATSEM (2010) dalam kajian yang dilakukan di Australia. Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan rakyat Australia yang dikaji bersetuju bahawa memiliki dan membesarkan anak-anak adalah antara perkara paling penting yang perlu dicapai dalam hidup. Dapatan menunjukkan bahawa pertambahan bilangan anak meningkatkan lagi tahap kepuasan hidup, dengan 40% daripada responden yang memiliki anak sekurang-kurangnya 4 orang melaporkan sangat berpuas hati dengan hidup (NATSEM 2010). Wanita yang berumur 30 tahun dan ke atas, tetapi tidak memiliki

anak ternyata melaporkan kepuasan hidup yang rendah, berbanding dengan wanita yang memiliki anak (NATSEM 2010).

Dalam pada itu, wanita di pertengahan usia juga tidak terkecuali daripada berhadapan dengan risiko perceraian. Di Malaysia, JAKIM melaporkan bahawa secara purata sebanyak 3 perceraian berlaku dalam setiap jam, 70 kes perceraian dilaporkan dalam sehari, 2,000 kes dilaporkan dalam sebulan dan 25,000 kes setahun di seluruh negara bagi tahun 2011 (Azizul 2013). Manakala, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pula menyatakan bahawa sebanyak 38, 000 kes perceraian dilaporkan pada tahun 2010, 43, 137 kes pada tahun 2011 dan 47, 779 kes pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan yang mendadak dan membimbangkan. Perceraian dilaporkan berlaku pada mana-mana tahun perkahwinan, dengan tahun perkahwinan pertama mencatatkan kes yang tertinggi (Azizul 2013).

Kajian yang dijalankan oleh Berg et al. (2009) melaporkan bahawa perceraian atau kematian pasangan memberi kesan yang signifikan kepada kepuasan hidup, terutamanya kepada responden lelaki. Perbezaan antara jantina menggambarkan perbezaan peranan dan tanggung jawab dalam perkahwinan. Perkahwinan membawa makna yang berbeza kepada lelaki dan wanita, terutamanya daripada perspektif psikososial. Apabila kehilangan pasangan, lelaki biasanya sukar untuk mengambil alih tugas-tugas rumah tangga yang sebelum ini ditanggung oleh wanita (Berg et al. 2009). Kehilangan pasangan juga bermakna kehilangan teman kerana pasangan selalunya merupakan teman yang paling rapat apabila memasuki pertengahan usia (Chappel 1989).

Namun begitu, wanita yang bercerai kerana perkahwinan yang berkonflik seperti mengalami penderaan fizikal dan emosi adalah lebih gembira daripada wanita berkahwin yang berada dalam perkahwinan bermasalah (Hetherington & Kelly 2002). Ramai juga wanita berstatus janda melaporkan kesan emosi positif selepas perceraian, kerana telah mendapat kebebasan, autonomi dan berasa kompeten. Mereka juga melaporkan kepuasan hidup yang lebih tinggi daripada wanita yang tidak pernah berkahwin (Frazier et al. 1996). Pekerjaan akan menjadi medium bagi mereka mencipta identiti baru, di mana mereka boleh mengalihkan perhatian dan mendapat sokongan baru dalam hidup. Ia secara tidak langsung boleh meningkatkan lagi penghargaan sendiri dan mengurangkan tekanan emosi dalam kalangan wanita tersebut.

Terdapat juga peratusan yang rendah wanita yang masih bujang di pertengahan usia. Kira-kira 3.6% wanita di Amerika masih bujang sehingga usia 75 tahun (U.S. Census Bureau 2003). Berdasarkan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, sekitar 2.5 juta rakyat Malaysia yang berusia lebih 25 tahun masih belum atau tidak berkahwin (Sinar Harian 2012). Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia keempat pada tahun 2004 yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara mendapati 32.1% daripada responden tidak pernah berkahwin. Daripada jumlah itu, 44.4% adalah wanita dan selebihnya adalah lelaki. Kajian mendapati bahawa wanita tidak berkahwin kerana masalah kewangan, tiada calon yang sesuai, selesa membujang, kerjaya, komitmen keluarga dan lain-lain (Sinar Harian 2012).

Walaupun perkahwinan masih dianggap sebagai gaya hidup yang normal, masyarakat hari ini lebih positif dan terbuka dengan isu membujang (Reynolds & Wetherell 2003). Masyarakat semakin menerima dan memberi sokongan kepada wanita yang kekal bujang ke usia tua. Kajian menunjukkan wanita membujang menunjukkan dua reaksi kepada status

mereka. Ramai yang mengakui sedih kerana terpaksa melalui hari tua seorang diri, tetapi dalam masa yang sama, mereka juga gembira kerana dapat menikmati kebebasan, ketidakbergantungan dan peluang memajukan diri (Engler 2011; Reynolds & Wetherell 2003).

Dibandingkan dengan wanita berkahwin, wanita bujang kebanyakannya mempunyai pendidikan yang lebih baik, lebih sihat dan mempunyai pendapatan yang lebih tinggi. Justeru, mereka dapat menikmati hidup yang lebih baik dan kurang berisiko mengalami kemurungan atau gangguan mental lain (Newtson & Keith 1997). Tempat kerja merupakan sumber sokongan sosial yang penting kepada wanita bujang dan mereka juga mempunyai hubungan yang rapat dengan adik-beradik serta keluarga. Selepas bersara, mereka cenderung untuk melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk mengekalkan hubungan sosial dengan yang lain. Kebanyakan wanita bujang yang sudah berusia melaporkan kepuasan hidup dan sekurang-kurangnya sama gembira seperti wanita yang berkahwin (Newtson & Keith 1997).

Joshua et al. (2011) menganalisa kesan membujang kepada kepuasan hidup. Fenomena membujang semakin menular terutamanya di negara-negara membangun dan sedang membangun. Kemajuan negara menyebabkan ramai wanita telah berjaya memegang jawatan-jawatan tinggi di sektor kerajaan dan swasta. Ada di antara mereka yang mengambil keazaman untuk menangguhkan perkahwinan kerana ingin menumpukan perhatian kepada kerjaya. Akibatnya, ramai yang kekal bujang hingga ke usia tua. Joshua et al. (2011) mendapati bahawa status bujang memberi kesan yang buruk kepada kepuasan hidup, sama ada kepada lelaki mahu pun wanita. Status bujang didapati meningkatkan lagi tahap tekanan dalam kalangan kedua-dua jantina. Cramer (1993) juga membuktikan bahawa wanita dan lelaki bujang memiliki tahap kesihatan yang lebih rendah berbanding dengan mereka yang berkahwin. Ia disahkan melalui analisis ke atas simptom fizikal, pengambilan alkohol dan kesihatan psikologi.

Walau bagaimanapun, kajian oleh Jan dan Masood (2008) mendedahkan hasil yang sebaliknya. Kajian mendapati tidak ada perbezaan signifikan dalam skor kepuasan hidup wanita bujang, berkahwin dan sudah berpisah. Faktor kepuasan hidup mereka tentunya berbeza. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Kousha dan Moheen (2004) yang menjalankan kajian dalam kalangan wanita Iran yang tinggal di bandar. Untuk wanita yang sudah berkahwin, kepuasan hidup dipengaruhi oleh kualiti perkahwinan, pekerjaan dan aktiviti sosial. Manakala bagi wanita yang bujang, kepuasan hidup banyak dipengaruhi oleh aktiviti sosial dan tahap pendidikan.

Begitu juga dengan kajian di Jerman yang mendapati faktor kepuasan hidup adalah berbeza antara wanita yang mempunyai pasangan dan tidak mempunyai pasangan (Albert 2010). Untuk wanita yang hidup dengan pasangan, kepuasan dengan keluarga sangat mempengaruhi kepuasan hidup secara umum. Manakala, bagi wanita yang hidup sendirian, kepuasan dengan persahabatan dan status sosio-ekonomi lebih memberikan sumbangan. Bagi golongan tersebut, kepuasan dengan keluarga kurang penting dalam menentukan kepuasan hidup mereka (Albert 2010).

Justeru, kajian lepas menunjukkan dapatan yang pelbagai mengenai hubungan antara status perkahwinan dan kepuasan hidup. Dalam masyarakat Timur seperti Malaysia, status perkahwinan masih lagi merupakan persoalan yang penting. Walau bagaimanapun, wanita dalam apa jua status perkahwinan masih lagi boleh menikmati kepuasan hidup bersandarkan

kepada kelebihan dan kekuatan yang dimiliki. Status perkahwinan mungkin memberi makna dan implikasi yang berbeza kepada wanita di pelbagai fasa kehidupan.

Rumusan

Ringkasnya, kepuasan hidup wanita atau lelaki dan berkahwin, telah berpisah atau bujang mempunyai dapatan yang pelbagai. Perbezaan dapatan menggambarkan persepsi dan pandangan hidup yang dipegang oleh responden daripada pelbagai latar belakang. Secara umumnya wanita berkahwin atau tidak berkahwin boleh mencapai kepuasan hidup yang tinggi jika mempunyai perspektif yang positif mengenai kehidupan. Wanita berkahwin menyandarkan kepuasan hidup kepada kepuasan perkahwinan dan sokongan emosi yang diterima. Wanita yang telah berpisah (janda) juga boleh mencapai kepuasan hidup jika kehidupan selepas penceraian adalah lebih baik daripada sebelum penceraian. Namun, ia bergantung kepada penghargaan diri mereka, keyakinan diri serta sokongan sosial. Bagi wanita bujang, status sosio-ekonomi, pendidikan, aktiviti sosial dan hubungan sosial memainkan peranan yang penting. Jika faktor-faktor ini dipenuhi, mereka juga masih boleh mencapai kepuasan hidup yang optimum. Perbezaan kepuasan hidup antara lelaki dan wanita berbeza kerana perbezaan keutamaan dalam hidup, pegangan dan matlamat antara mereka.

Rujukan

- Azizul, O. 2013. *Statistik Penceraian Membimbangkan, Terus Meningkat Saban Tahun*. ABN News, Kuala Lumpur.
- Albert, I. 2010. Are adult German women satisfied with their lives?: On the role of life domains, partnership status, and self-construal. *The Journal of Gerontopsychology and Geriatric Psychiatry* 23 (1): 39-49.
- Ayo, H.T., Henry, S., & Adebukola, K.T. 2009. Psychosocial variables as predictors of work-family conflict among secondary school teachers in Irele local government area, Ondo State, Nigeria. *Pakistan Journal of Social Sciences* 6 (1): 11-18.
- Balachandran, M., Rakhee, A.S. & Sam Sananda, R.H. 2007. Life satisfaction and alienation of elderly males and females. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology* 33 (2): 157-160.
- Berg, J.A. 2011. The stress of caregiving in midlife women. *The Female Patient* 36: 33-35.
- Berg, A.I., Hoffman, L., Hassing, L.B., McClearn, G.E., & Johansson, B. 2009. What matters, and what matters most, for change in life satisfaction in the oldest-old? A study over 6 years among individuals 80+. *Aging and Mental Health* 13 (2): 191-201.
- Blanchflower, D.G. & Oswald, A.J. 1994. Estimating a Wage Curve for Britain: 1973-1990. *Economic Journal, Royal Economic Society* 104 (426): 1025-1043.
- Brannon, L. 2011. *Gender; Psychological Perspectives*. United States: Pearson.
- Bourque, Gold, Bonneville, & Beland 2005. Contextual effects on life satisfaction of older men and Women. *Canadian Journal on Aging* 24 (1): 31-44.
- Chappell, N.L. 1989. Health and helping among the elderly. *Journal of Aging and Health* 1: 102-120.
- Cramer, D. 1993. Living alone, marital status, gender and health. *Journal of Community and Applied Social Psychology* 3: 1-15.
- Cummins, R.A. 1996. The domains of life satisfaction: An attempt to order chaos. *Social Indicator Research* 38: 303-332.
- Derg, D.J.H. 2005. The development of physical and mental health from late midlife to early old age. In S.L. Willis & Martin (Eds), *Middle Adulthood*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Diener, C. & Fujita, F. 1995. A study on life satisfaction. In L. Sousa, S. Lyubomirsky. *Life Satisfaction*. New Jersey: Prentice Hall.

- Engler, K. 2011. *On the health and wellbeing of single working women without children: An analysis of scientific and lay discourse*. Thesis disempurnakan untuk Ijazah Doktor Falsafah, University of Montreal.
- Frazier, P. A., Byer, A. L., Fischer, A. R., Wright, D. M., & DeBord, K. A. 1996. Adult attachment style and partner choice: Correlational and experimental findings. *Personal Relationships* 3: 117–136.
- Frey, B.S. & Stutzer, A. 2002. What can economist learn from happiness research? *Journal of Economic Literature* 40: 420-435.
- Freund, A.M., Knecht, M., & Wiese, B.S. 2014. Multi-domain engagement and self-reported psychosomatic symptoms in middle-aged women and men. *Gerontology* 60 (3): 255-262.
- Hasnain, S.F., & Fatima, I. 2012. Perfectionism, loneliness, and life satisfaction in engineering students. *Journal of Behavioral Sciences* 22 (3): 33-48.
- Hetherington, E.M. & Kelly, J. 2002. *For better or worse: Divorce reconsidered*. New York: Norton.
- Jan, M. & Masood, T. 2008. An assessment of life satisfaction among women. *Extension and Communication* 2 (1): 33-42.
- Joshua, D., Joel, T.N., & Meghan, R.L. 2011. Sex difference in delaying family: Effects on job and life satisfaction. *Psychology Research* 1(6): 444-452.
- Kant, V. 1996. Well-being and aging: An empirical analysis. *Disabilities and Impairment* 10: 101-110.
- Kousha, M. & Moheen, N. 2004. Predictors of life satisfaction among urban Iranian women: An exploratory analysis. *Journal of Social Indicators Research* 40 (3): 320-357.
- Nathawat, S. 1996. Influence of hardness on social support on well-being in elderly men and women. *Indian Journal of Clinical Psychology* 23: 92-101.
- National Alliance for Caregiving. 1998. *The Caregiving Boom: Baby Boomer Women Giving Care*. Washington, DC: Author.
- NATSEM. 2010. The Pursuit of Happiness: Life Satisfaction in Australia. *NATSEM Income and Wealth Report* 26, University of Canberra.
- Navaie-Waliser, M., Spriggs, A., & Feldman, P.H. 2002. Informal caregiving: Differential experiences by gender. *Medical Care* 40 (12): 1249-1259.
- Newtson, R. L., and P. M. Keith. 1997. Single women in later life. In *Handbook on women and aging*, edited by J. M. Coyle, 385–99. Westport, Conn.: Greenwood Press.
- Noah, M.H., Choo, J.H., Cho, H.O., Jun, H.S. & Kim, M.S. 1986. *A Study of Women's Employment: Married Women*. Seoul: Korean Women's Development Institute.
- Ohtake, F. 2012. Unemployment and Happiness. *Japan Labor Review*, 9 (2): 59–74
- Oshio, T. 2012. Gender differences in the associations of life satisfaction with family and social relations among the Japanese elderly. *Journal of Cross-cultural Gerontology* 27 (3): 259-274.
- Park, C. 1991. Sex-role attitudes and employment status as predictors of perceived life satisfaction among married women in Korea. *Korea Journal of Population and Development* 20 (1): 23-45.
- Pavalko, E.K. & Artis, J.E. 1997. Women's caregiving and paid work: Causal relationships in late midlife. *Journal of Gerontology: Social Sciences*: 52B (4): 170-179.
- Pestonjee, D.M. 1992. *Stress and Coping: The Indian Experience*. New Delhi: Sage.
- Reynolds, J. & Wetherell, M. 2003. The discursive climate of singleness: the consequences for women's negotiation of a single identity. *Feminism & Psychology* 13 (4): 489-510.
- Shichman, S., & Cooper, E. 2004. Life satisfaction and sex role concept. *Journal of Sex Roll* 11: 227-240.

- Sinar Harian, 2012. *2.5 Juta Rakyat Malaysia Tidak Berkahwin*. 8 Mei 2012. Kumpulan Karangraf, Shah Alam.
- Taylor, S.E., Klein, L.C., Lewis, B.P. & Grunewald, T.L. 2000. Behavioral response to stress in females tend-and-befriend, not fight or flight. *Psychological Review* 107: 411-429.
- Thakar, G. & Misra, G. 1995. Correlates of daily hassles among dual career women. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology* 21: 99-101.
- Tiefenbach, T., & Kohlbacher, F. 2013. Happiness from the Viewpoint of Economics: Findings from Recent Survey Data in Japan (DIJ Working Paper 13/1). Tokyo. http://www.dijtokyo.org/publications/WP1301_Tiefenbach_Kohlbacher.pdf.
- U.S. Census Bureau. 2003. *Custodial mothers and fathers and their child support: 2001*. *Current Population Reports* pp. 60-225. Washington, DC: Author.
- Williams, J.C. & Cooper, H.C. 2004. The public policy of motherhood. *Journal of Social Issues* 60: 849-865.